

# Lebih 3 juta penduduk mohon suntikan

**Kuala Lumpur:** Seramai 3,224,641 individu telah mendaftar dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan melalui aplikasi MySejahtera, setakat jam 3 petang semalam.

Angka itu dimaklumkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) petang semalam, berdasarkan maklumat rasmi daripada JKJAV.

Terdahulu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin menerusi ciapan di Twitter, menjelaskan jumlah pendaftaran di Selangor setakat pagi semalam adalah 991,181, diikuti Johor (335,537), Kuala Lumpur (292,983) dan Sarawak (240,630).

Sementara itu, seramai 127,608 individu membabitkan majoriti petugas barisan hadapan sudah menerima vaksin bagi fasa pertama pelalian di seluruh negara setakat kelmarin.

Berdasarkan jumlah itu, Sarawak merekodkan penerima tertinggi dengan 18,034 individu, disusuli Pahang (13,830), Selangor (11,982), Kelantan (11,680), Kuala Lumpur (11,266), Johor dan Sabah masing-masing 9,515, Kedah (5,414) serta Pulau Pinang (5,172).

Negeri Sembilan pula merekodkan 4,864 individu menerima suntikan, sementara Terengganu



**Sebahagian petugas barisan hadapan** mendaftar sebelum mendapatkan suntikan vaksin di Dewan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

(4,675), Melaka (4,312), Putrajaya (2,290), Perlis (2,223) dan Labuan (2,158).

Di Kota Kinabalu, seramai 5,858 individu menerima suntikan pertama vaksin Pfizer-BioNTech sejak Program Imunisasi COVID-19 dilancarkan di Sabah pada Khamis lalu, termasuk 2,765 individu yang menerima suntikan vaksin berkenaan, kelmarin.

Jurucakap COVID-19 Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata

Jawatankuasa COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) yang mengurus pemberian vaksin di Sabah menyasarkan 42,164 individu diberikan vaksin menerusi fasa satu program imunisasi itu yang dilaksanakan mengikut enam daerah Pusat Penerima Vaksin (PPV).

Katanya, penerima suntikan terbanyak setakat ini adalah di Zon Barat Tengah, iaitu seramai 2,410 orang, Zon Barat Daya (822), Zon

Pedalaman (892), Zon Barat Laut (370), Zon Timur Laut (684), Zon Timur Laut - Sandakan (684) dan Zon Timur Laut - Tawau (360).

“Bagi Program Imunisasi COVID-19 Peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM), 490 orang menerima suntikan pertama vaksin setakat ini, daripada sasaran fasa pertama seramai 7,020 orang,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan semasa COVID-19 Sabah.